

Ketelusan PM perlu dihormati

BH - 12/8/2006

KUALA LUMPUR: Semua pihak tidak harus mengambil kesempatan atas sikap terbuka dan ketelusan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan membuat kacau dan menabur fitnah, kata beberapa pemimpin Umno.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sikap terbuka Perdana Menteri itu perlu dihormati dengan tidak membangkitkan isu, masalah atau tuduhan tanpa asas yang boleh membebankan kerajaan.

“Perdana Menteri bersikap telus dan terbuka, tetapi ada batasnya... janganlah kita timbulkan masalah yang boleh mengacau dasar negara. Jika ada idea atau pandangan bernas, memang kita alu-alukan.

“Jangan tabur fitnah, bangkitkan pelbagai isu dan masalah,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa pemandu pembangunan Pusat Fidlot Nasional (NFC) bersama Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, di Seremban semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri mengingatkan mereka yang tidak senang dengan dasar atau keputusan kerajaan supaya tidak menyalahgunakan amalan demokrasi dengan membuat kacau dan menabur fitnah.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata semua pihak harus menerima baik teguran Perdana Menteri dan

membantu kerajaan meneruskan agenda pembangunan negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata, kesuburan demokrasi mesti dipelihara dengan baik kerana demokrasi bukan saja berkaitan hak tetapi juga mengenai tanggungjawab terhadap apa yang diperkatakan.

Katanya, oleh itu dalam melaksanakan tanggungjawab, seseorang perlu memastikan apa yang diperkatakan tidak mendatangkan kekeliruan yang boleh mempengaruhi orang lain sehingga menyentuh kestabilan politik.

“Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri bersikap objektif dengan melihat sama ada perlu atau tidak untuknya memberi maklum balas terhadap sesuatu perkara... Ini pendekatan baik dalam menjaga keharmonian dalam negara,” katanya ketika dihubungi.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula berkata, kesediaan Abdullah menerima kritikan dan pandangan untuk kebaikan negara menunjukkan ketelusan kepimpinannya.

Katanya, kritikan serta pandangan mesti disampaikan secara berhemah dan bukan bertujuan memburukkan imej atau mengurangkan keyakinan terhadap kepimpinan.